

77 (y)
KUALA LUMPUR, 26 SEPT. (BERNAMA) — (DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI BAHAWA TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM DI MALAYSIA ADALAH YANG PALING RENDAH DI DUNIA.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH MENIMBANGKAN BEGITU LAMA PERMOHONAN DARI SYARIKAT BAS, TEKSI DAN KERETA SEWA UNTUK MENAIKKAN TAMBANG.

KATANYA, KADAR BARU ITU TIDAK BEGITU MEMBERI KESAN KEPADA PENUMPANG DARI TEMPAT-TEMPAT LAIN KERANA TAMBAHAN ITU HANYA LIME SEN ATAU SEPULOH SEN BAGI SELURUH PERJALANAN.

BAGI KUALA LUMPUR KENAIKAN TAMBANG BAS LIMA SEN BAGI SATU BATU KERANA BAS-BAS TIDAK DAPAT BERJALAN MENGIKUT JADUAL DISEBABKAN KESESAKAN JALANRAYA DAN INI MERUGIKAN PIHAK SYARIKAT-SYARIKAT BERKENAAN.

TAMBAHNYA, SYARAT UTAMA YANG PERLU DILAKSANAKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT BAS BERKENAAN SUPAYA MEMPERBAIKI PERKHIDMATANNYA.

KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN LAIN JIKA SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT TIDAK MEMATUHI SYARAT-SYARAT ITU. —BERSAMBUNG

BAS 2 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, MENTERI KERJAJAYA DAN KEMUDAHAN, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG DALAM SATU KENYATAAN HARI INI BERKATA BAHAWA KERAJAAN BERPENDAPAT UNTUK MENGADAKAN SATU PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BAIK DAN BERKESAN UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA ORANGRAMAI, TIDAK ADA JALAN LAIN TETAPI MEMINTA PARA PENGUSAHA DAN PENGGUNA BERKORBAN SEDIKIT.

KATANYA, SEMENTARA KERAJAAN SEDANG MENKKAJI CARA-CARA LAIN UNTUK MEMBANTU, PARA PENGUSAHA PENGAKUTAN AWAM DIKEHENDAKI MEMBAIKI LAGI PERKHIDMATAN MEREKA SEPERTI MENGGANTIKAN KENDERAAN-KENDERAAN LAMA DENGAN YANG BARU.

+DENGAN KENAIKAN INI, PARA PENGUSAHA BAS HENDAKLAH MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH BANYAK, KOC-KOC YANG LEBIH BAIK SERTA MENJAGA BAS-BAS DAN TEKSI UNTUK KEPENTINGAN ORANGRAMAI+, KATANYA.

DATUK GHANI BERKATA KERAJAAN TELAH MEMBERI PERTIMBANGAN WAJAR TERHADAP PERMINTAAN PARA PENGUSAHA BAS DISAMPING MENJAGA KEPENTINGAN ORANGRAMAI. —BERNAMA 1916/BY